

Tiada bukti kukuh KL tak selamat

Kuala Lumpur: Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, tidak ada bukti kukuh yang boleh menyokong dakwaan bandar raya ini tidak selamat untuk diduduki seperti laporan yang ditularkan media sosial.

Maimunah berkata, Kuala Lumpur sudah lama dibangunkan dan dakwaan ia tidak selamat pembangunan perlu disertakan dengan bukti dan kajian kukuh.

“Saya berpendapat Kuala Lumpur sudah lama dibina dan selama ini ia selamat. Oleh itu kalau nak katakan tak selamat mesti ada bukti kukuh dan kajian terperinci.

“Berikutan itu kami wujudkan pasukan petugas termasuk Jabatan Geologi dan Jabatan Kerja Raya untuk melihat serta kaji keadaan ini namun kalau dilihat daripada keadaan semasa Kuala Lumpur masih selamat kecuali ada bukti kajian,” katanya dalam sidang media di Jalan Masjid India di sini kelmarin.

Hadir sama Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur Rozihan Anwar

Mamat, Ketua Polis Daerah Dang Wangi ACP Sulizmie Affendy dan Ketua Pegawai Eksekutif Indah Water Konsortium (IWK) Narendran Maniam.

Beliau berkata, pasukan itu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) diaktifkan.

Maimunah berkata, hasil mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai agensi berkaitan, beliau memberi jaminan situasi sekitar Jalan Masjid India dan Kuala Lum-

“Saya berpendapat Kuala Lumpur sudah lama dibina dan selama ini ia selamat. Oleh itu kalau nak katakan tidak selamat mesti ada bukti kukuh dan kajian terperinci”

Datuk Bandar KL, Dr Maimunah Mohd Sharif

pur amnya terkawal serta selamat dikunjungi.

Sebelum ini tular di Facebook hantaran dimuat naik seorang aktivis alam sekitar pada 2015 yang mendakwa tempat paling tidak selamat di Malaysia adalah Kuala Lumpur dan berpotensi berlaku *giant sinkhole* pada bila-bila masa.

Hantaran itu antara lain menyebut 40 hingga 60 peratus dasar Kuala Lumpur adalah batu kapur dan pembangunan tanpa henti dengan sistem saliran tidak tersusun boleh menyebabkan kejadian itu lebih cepat berlaku.

